



International Journal of Modern Education
(IJMOE)

Journal Website: <http://ijmoe.com/>
eISSN: 2637-0905



**TAHAP KEFAHAMAN PELAJAR -PELAJAR INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI (IPT) TERHADAP KONSEP 1MALAYSIA**

*LEVEL OF COMPREHENSION AMONG MALAYSIAN UNIVERSITY STUDENTS
ON THE 1 MALAYSIA CONCEPT*

Muhammad Fuad Othman¹, Zaheruddin Othman², Mohamad Ainuddin Iskandar Lee Abdullah³,
Fairol Halim⁴, Abdul Rahman Abdul Aziz⁵, R Sivaperegagam P Rajanthiran⁶, Nik Fauziliana Mohd
Tamizi⁷

¹ School of International Studies, Universiti Utara Malaysia
Email: mfuad@uum.edu.my

² School of Government, Universiti Utara Malaysia
Email: zaher@uum.edu.my

³ School of International Studies, Universiti Utara Malaysia
Email: ainuddin@uum.edu.my

⁴ School of Business Management, Universiti Utara Malaysia
Email: fairol@uum.edu.my

⁵ School of Government, Universiti Utara Malaysia

⁶ School of International Studies, Universiti Utara Malaysia

⁷ School of Human Development and Techno Communication Universiti Malaysia Perlis
Email: mnikfauziliana@yahoo.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 28.05.2020

Revised date: 31.05.2020

Accepted date: 10.06.2020

Published date: 15.06.2020

Abstrak:

Proses memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia perlulah bermula dari akar umbinya termasuklah dari kalangan pelajar di universiti yang merupakan calon bakal menjadi pewaris kepada peneraju negara pada masa akan datang. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kefahaman pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) terhadap konsep 1Malaysia. Kajian ini berbentuk kuantitatif dan persoalan kajian yang adalah sejauhmanakah tahap kefahaman konsep 1Malaysia dalam kalangan pelajar IPT. Satu kajian lapangan dilaksanakan dan pengumpulan data adalah daripada kaedah edaran borang soal selidik. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar di IPT. Sebanyak 1000 naskah borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 478 naskah telah dikembalikan dan dianalisis melalui program SPSS siri ke 22. Hasil dapatan kajian mendapati majoriti pelajar di peringkat IPT mempunyai tahap kefahaman peringkat serdahana terhadap konsep perpaduan yang diterapkan dalam konsep 1Malaysia. Di samping itu, pelajar-pelajar ini juga kurang bersedia untuk berasimilasi bersama pelbagai

To cite this document:

Othman, M. F., Othman, Z., Abdullah, M. A. I. L., Halim, F., Aziz, A. R. A., Rajanthiran, R. S. P., & Tarmizi, N. F. M. (2020). Tahap Kefahaman Pelajar-Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Terhadap Konsep 1Malaysia. *International Journal of Modern Education*, 2(5), 46-59.

DOI: 10.35631/IJMOE.25006

kaum secara menyeluruh seperti yang diperlukan untuk merialisasikan konsep 1Malaysia. Ekoran daripada itu, penekanan yang lebih giat perlu dilaksanakan seperti memupuk semangat perpaduan yang perlu bermula dari institusi keluarga dan di peringkat prasekolah lagi. Di samping itu, penekanan juga harus dalam memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan dan bahasa rasmi di IPT. Adalah dicadangkan juga agar penambahbaikan sistem pembelajaran di universiti agar setiap program yang dijalankan dapat memupuk semangat perpaduan dan memberi pendedahan kepada keterbukaan dan penerimaan pelbagai kaum demi memupuk perpaduan nasional yang lebih utuh. Kajian ini telah ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui skim Fundamental Research Grant Scheme (FRGS).

Kata Kunci:

Penilaian Konsep 1Malaysia, Perpaduan, Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

Abstract:

The process to cultivate a sense of solidarity among Malaysians must start from the early stage moreover university students as they are future leaders. Therefore, this study was conducted to evaluate the understanding of the 1Malaysia concept among students of Higher Education Institutions (IPT). The methods of this study were quantitative research and the research questions are to evaluate the level of understanding of the 1Malaysia concept among (IPT) This study was conducted through the dissemination of questionnaires and the sample consisted of local (IPT) students. A total of 1000 manuscripts were distributed and from that 478 manuscripts were returned and analyzed through the SPSS program in series 22. This research found that most (IPT) students are on a medium level of understanding of the 1Malaysia concept. In addition, this study found that these students lack the will to assimilate among them in totality which is the chief objective of the 1Malaysia concept. Therefore, it is recommended that the cultivation of the spirit of unity must begin from as early as the family unit and also at the pre-school level. In addition, emphasis should also be given to the usage of the Malay language as the official language of unity and learning in the universities. It is also recommended that reforms must be made and that elements of national unity must be embedded in all university programs so that it will inculcate openness and acceptance among all citizens towards true national unity. This research was funded under the Ministry of Higher Education Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)

Keywords:

1Malaysia Concept, Unity, Higher Education Institutions (IPT) Student

Pengenalan

Perpaduan merujuk kepada penyatuan kepelbagaian etnik dalam sesebuah negara bertepatan dengan slogan *unity in diversity* (perpaduan dalam kepelbagaian) serta mengiktiraf kewujudan kepelbagaian (Shaharuddin Badaruddin 2007). Perpaduan adalah asas kepada pembinaan negara bangsa dan harus dipupuk amalannya dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Perpaduan boleh terjadi samada secara mekanikel mahupun organik (Jary & Jary 1991). Konsep 1Malaysia merupakan salah satu gagasan yang dicetuskan bekas Perdana Menteri, Dato Sri Mohd Najib Tun Razak bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Gagasan ini merupakan satu formula bagi membantu merealisasikan impian

negara untuk mencapai Wawasan 2020 dalam suasana kepelbagaian yang harmoni dan stabil. Antara nilai yang ditekankan dalam gagasan ini ialah sikap penerimaan dalam kalangan pelbagai etnik terhadap etnik yang lain. Sikap penerimaan yang ingin diwujudkan merupakan satu cabaran yang perlu dihadapi bagi membolehkan setiap keunikan pelbagai etnik saling dikongsi, dihormati dan diterima sebagai lambang identiti kebangsaan (Shamsul Amri Baharudin & Anis Yusal Yusoff. 2014)

Latar Belakang Konsep 1Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara berbilang bangsa, keturunan dan etnik yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Komposisi kaum yang terbesar adalah orang Melayu, orang Cina dan orang India yang terasing dari segi penempatan, pekerjaan dan kebudayaan. Bagi menghapuskan jurang perbezaan ini, Perdana Menteri Malaysia Keenam, Dato 'Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah memperkenalkan konsep 1Malaysia pada tahun 2009 dengan harapan untuk mengukuhkan dan menjalinkan semula hubungan etnik di negara ini. Konsep 1Malaysia adalah kesinambungan daripada kepimpinan dasar pentadbiran Malaysia yang telah diamalkan sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Tujuan dilaksanakan konsep 1Malaysia ialah untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia etnik yang berbeza. Sikap persefahaman dan tolenrasi merupakan komponen penting untuk mewujudkan dan mengekalkan perpaduan. Konsep ini menyokong pembentukan sebuah kerajaan yang memberi keutamaan kepada rakyat dengan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" (Nazri Muslim dan et al. 2013)

Konsep 1Malaysia yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang membawa aspirasi dalam usaha memperbaiki hubungan kaum agar rakyat Malaysia terus menghayati dan menyulam erti perpaduan yang lebih erat. Konsep 1Malaysia adalah pemangkin kepada kewujudan sebuah negara bangsa yang dilihat mampu memangkin ke arah perpaduan nasional berlandaskan kepada perkongsian nilai integriti, kebolehan, dedikasi dan kesetiaan. Pemimpin mahupun setiap individu perlu memahami dan menghayati nilai 1Malaysia antaranya nilai kecapaian dalam budaya kecemerlangan, ketabahan, rendah hati, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti serta memahami nilai-nilai aspirasi dalam konsep 1Malaysia yang bertunjangkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Prinsip-prinsip Rukun Negara. Oleh hal demikian, Teras 1Malaysia adalah untuk memelihara perpaduan dan memastikan agar tiada satu pun rakyat Malaysia yang merasakan diri mereka dipinggirkan, malahan mereka terus dipayungi oleh rasa kekitaan dan kebersamaan. Konsep 1Malaysia merupakan suatu konsep yang baru dilancarkan di Malaysia pada tahun 2009 yang lalu. Ia merupakan lanjutan daripada usaha kerajaan seperti pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Rukun Negara, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Sosial Negara, dan seumpamanya agar sebarang konflik perkauman dapat dielakkan serta pencapaian dapat dipertingkatkan. Asas-asas yang ada dalam konsep 1Malaysia ini adalah untuk mencapai teras perpaduan antara kaum di Malaysia supaya cita-cita negara untuk mencapai Wawasan 2020 sebagai negara yang berstatus maju tercapai dengan jayanya (Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A.Aziz. 2014)

Permasalahan Kajian

Malaysia selepas setengah abad menyambut kemerdekaannya masih bergelut dengan pencarian identiti kebangsaan dan pembentukan perpaduan nasional yang sewajarnya. Tempoh setengah abad bukanlah satu masa yang panjang sekiranya dibandingkan dengan pembinaan dan perkembangan sesebuah tamadun masa lalu. Sebagai negara yang dikira masih baru, yang diasaskan pada 1963 selepas membentuk Persekutuan Malaysia bersama Sabah dan Sarawak, tempoh ini masih terlalu muda untuk mencapai satu tahap perpaduan nasional ideal yang dicita-citakan.

Abdul Rahman Embong (2000) menyatakan dari segi sejarah, bangsa Malaysia adalah satu konsep baru bagi rakyat berbilang kaum di negara ini walaupun pembentukan negara Malaysia sudah berlaku. Begitu juga apabila Malaya diisytiharkan merdeka, sebuah negara baru telah terbentuk tetapi bukannya bangsa Malaya dan konsep negara bangsa sebenarnya dilihat masih jauh untuk dicapai. Kenyataan sarjana ini menjelaskan bahawa pembentukan negara ini sekadar pembentukan wilayah geografi namun tidak membawa aspirasi perpaduan bangsa wilayah tersebut. Malahan polarisasi perkauman dalam kalangan penduduk Tanah Melayu menyebabkan perpaduan nasional perlu dibangunkan secara agresif ke arah pembinaan negara bangsa yang sebenar. Sekiranya wujud sekalipun perpaduan pada masa ini, ianya bersifat sementara, tidak holistik, malahan mungkin palsu kerana dinamikanya yang sentiasa mengalami perubahan mengikut peredaran dan perkembangan semasa. Malaysia sememangnya terkenal dengan keharmonian penduduk berbilang kaum yang hidup aman dan damai. Kaum yang terdapat di Malaysia ialah Melayu, Cina, India dan 27 etnik lagi di kawasan Sabah serta Sarawak. Dengan penduduk yang pelbagai budaya ini, perpaduan etnik atau sebaliknya sentiasa menjadi agenda dalam pengurusan masyarakat dan pemerintahan negara ini. Oleh kerana wujudnya kepelbagaian budaya, agama dan bahasa dalam kalangan rakyat di negara ini, maka timbulah pelbagai masalah yang melibatkan hubungan etnik. Boleh dikatakan bahawa perkauman akan sentiasa menjadi batas pemisah antara rakyat pelbagai kaum. Keadaan ini seterusnya boleh melahirkan ketegangan dan konflik antara kaum dan seterusnya boleh menyebabkan berlakunya pertumpahan darah. Untuk mengatasi isu perkauman ini permuafakatan perlulah dipupuk dari kalangan generasi muda yang kelak akan mentadbir negara ke arah perpaduan yang ukuh. Ekoran dari pada itu system pendidikan adalah senjata utama dalam merealisasikan perpaduan sejagat ini (Abdul Manaf Ahmad 2009).

Sistem pendidikan memainkan peranan penting dalam menyemai benih perpaduan terutamanya dalam kalangan generasi kanak-kanak di peringkat sekolah (Lee Lam Thye 2013). Dalam menjamin pembentukan negara bangsa yang ideal, nilai-nilai integrasi dan perpaduan haruslah disemai dari peringkat tahap pendidikan mereka (Yusfarina & Abdul Rasid 2011). Kenyataan ini sememangnya dipersetujui oleh banyak pihak dan kerajaan sendiri menggubal Falsafah Pendidikan Negara dan Dasar Pendidikan Negara dengan roh dan semangat menyatupadukan murid-murid berbilang kaum. Dasar kerajaan adalah jelas iaitu menggalakkan rakyat Malaysia berbilang kaum menghantar anak-anak ke Sekolah Kebangsaan agar dapat mewujudkan proses sosialisasi dan persekitaran pembelajaran yang harmoni dalam kalangan murid-murid berbilang kaum. Malahan pembinaan negara bangsa telah digariskan sebagai Teras Pertama dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang menjadi garis panduan dalam melaksanakan program pendidikan masa kini di Malaysia (Yusfarina & Abdul Rasid 2011). Justeru itu, Institusi Penganjiaan Tinggi (IPT) merupakan satu cara atau tempat yang amat strategik dalam memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar pada peringkat akar umbi. Hal ini kerana, kebanyakan pelajar yang ada di Malaysia sama ada Universiti Awam atau Universiti Swasta terdiri daripada pelbagai bangsa, agama serta warna kulit yang berbeza dan di institusi pengajian tinggi ini mereka dapat di satukan dengan harmoni. Jadi, konsep 1 Malaysia sangat relevan di aplikasi sepenuhnya dalam kalangan penuntut IPT. Akan tetapi sejauhmanakah tahap kefahaman pelajar IPT terhadap konsep 1 Malaysia. Hal ini penting di titik berat kerana golongan belia di IPT merupakan golongan yang akan membentuk masa depan yang gemilang dan akan mentadbir negara di masa hadapan. Konsep 1 Malaysia merupakan konsep yang memetingkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. (Abdul Manaf Ahmad 2009).

Objektif Kajian

Pada umumnya kajian ini yang dilaksanakan untuk melihat tahap kefahaman mahasiswa IPT terhadap perpaduan dan konsep 1Malaysia yang telah di perkenalkan sebagai suatu konsep untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Secara khususnya objektif kajian ini ialah:

- a) Mengenalpasti tahap kefahaman konsep 1 Malaysia di kalangan pelajar IPT.
- b) Mengkaji sejauhmana impak konsep 1 Malaysia terhadap tahap perpaduan dalam kalangan pelajar IPT.

Ulasan Karya

Malaysia mempunyai kelebihan dan keunikan tersendiri dalam membina perpaduan rakyat disebabkan memiliki pelbagai kaum dan agama. Islam menjadi pemangkin kepada perpaduan rakyat disebabkan kesederhanaannya, malah menjadi amalan dalam kalangan rakyat di negara ini. Bahkan, secara umumnya, Azyati Azhani Mohd Mazuki et al. (2013) dan Ilhaamie Abdul Ghani Azmi et al. (2015) berpendapat rakyat Malaysia menolak perbuatan ekstrimisme berteraskan perkauman mahupun keagamaan. Atas keyakinan dan ajaran Islam yang sebegitu rupalah mendorong Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Sri Mohd Najib memperkenalkan G1M bertujuan untuk memperkukuh perpaduan rakyat menghadapi ancaman globalisasi dan cabaran semasa dunia.

Kajian pemahaman gagasan 1Malaysia dalam kalangan pelajar IPT telah dilakukan oleh Nor Suhaiza Md Khalid, Zarina Mohd Zain dan Farah Adilla Abdul Rahman (2011). Kajian soal selidik ke atas 250 orang pelajar dari lima buah IPT di Melaka bertujuan untuk melihat kesedaran dan mengkaji tahap pemahaman mereka terhadap konsep 1Malaysia di samping mengetahui medium yang digunakan untuk menwar-warkan konsep tersebut agar semua rakyat memahaminya. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa seramai 233 responden memahami konsep 1Malaysia manakala 17 lagi tidak. Kajian tersebut merumuskan bahawa kebanyakan responden memahami kepentingan konsep 1Malaysia sebagai alat untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Meskipun kajian ini melihat pemahaman pelajar IPT terhadap gagasan 1Malaysia, namun persoalan khususnya yang melibatkan pemahaman lapan nilai aspirasi yang penting dalam gagasan tersebut tidak diajukan kepada mahasiswa. Justeru, makalah ini berusaha untuk memaparkan pemahaman dua aspek utama dalam nilai aspirasi (Mohamad Rodzi Abd Razak. 2009).

Sementara itu, Ani Omar (2010) pula mengupas tiga teras dalam gagasan 1Malaysia iaitu prinsip penerimaan, prinsip kenegaraan dan keadilan sosial. Ini kemudiannya disokong oleh empat nilai murni iaitu kesederhanaan, rendah hati, berbudi bahasa dan hormat menghormati di samping nilai-nilai sejagat yang lain seperti nilai muafakat, bekerjasama, tolong menolong, nilai kepatuhan, nilai kejiranan, nilai keadilan dan nilai kegigihan yang dikaitkan dengan Adat Perpatih. Ani Omar cuba mengaitkan kesamaan nilai-nilai aspirasi dalam gagasan 1Malaysia dengan falsafah dan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam tradisi Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Kajian beliau yang bertajuk 'Melestarikan Adat Perpatih dalam Gagasan 1Malaysia' merumuskan bahawa Adat Perpatih boleh menjadi benteng yang kuat lagi kukuh, bukan sahaja dapat menepis kemasukan gejala negatif tetapi juga memberi identiti, jati diri serta berkemampuan untuk maju mengikut masa dan persekitaran sesuai dengan konsep gagasan Satu Malaysia bagi memperkukuhkan hubungan kaum.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Menurut Bogdan dan Biklen (2003), reka bentuk kajian merupakan perancangan tentang bagaimana suatu kajian itu dilaksanakan. Yin (2003) pula menyatakan bahawa reka bentuk kajian ialah perjalanan kajian dari titik permulaan (kenal pasti persoalan kajian) sehingga ke titik penamat (membuat rumusan kajian). Sebagai rumusan, reka bentuk kajian ialah pelan tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Ia juga berfungsi sebagai panduan dalam membantu penyelidik dalam proses mengutip, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan bagi mencapai objektif kajian, rekabentuk kajian yang dipilih adalah pendekatan kuantitatif. Melalui pendekatan kuantitatif, kaedah tinjauan dilakukan dimana borang soal selidik diedarkan kepada responden-responden yang telah dikenalpasti. Pengedaran borang soal selidik tersebut akan dibuat secara rawak. Ini bagi memastikan setiap responden adalah mempunyai ciri-ciri populasi yang dikaji. Pemilihan kaedah kuantitatif dibuat kerana kajian ini adalah berbentuk kajian impak. Pengkaji ingin menilai kefahaman konsep 1Malaysia di kalangan pelajar IPT. Justeru, pemilihan sampel yang ramai dan mewakilkan setiap universiti adalah perlu bagi memastikan dapatan kajian mencapai dan menjawab objektif kajian.

Lokasi Kajian


Selari dengan penyelidikan melalui kaedah kuantitatif, maka kajian ini dilakukan adalah di seluruh Malaysia dengan membahagikan lokasi mengikut zon-zon yang telah ditetapkan. Zon-zon berikut adalah zon utara dengan mengambil sampel di negeri Kedah, zon tengah dengan mengambil sampel di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di zon selatan sampel diambil di negeri Johor, manakala di zon timur sampel diambil dalam negeri Pahang. Bagi Sabah dan Sarawak data di kutip di kedua-dua negeri tersebut. Jadual di bawah menerangkan pembahagian lokasi kutipan data secara ringkas.

Jadual 1.1: Pembahagian Zon dan Lokasi Kajian

Zon	Negeri yang terlibat	Institusi
Utara	Kedah	UUM
Tengah	Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	UITM
Selatan	Johor	UTHM
Timur	Pahang	UMP
Sabah dan Sarawak	Sarawak dan Sabah	UNIMAS & UMS


Analisis Dapatan Kajian

Analisis tahap kefahaman pelajar di institusi pengajian tinggi terhadap konsep 1Malaysia merupakan analisis secara mendalam dalam melihat sejauhmana kefahaman pelajar IPT terhadap konsep 1Malaysia. Dalam analisis tahap kefahaman ini penekanan dilihat pada isi kandungan 1Malaysia, sejauhmana para pelajar paham tentang isi kandungan dan perincian konsep 1Malaysia. Pilihan jawapan mengikut skala yang di tetapkan seperti, Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5).



Rajah 1.1: Pembangunan Modal Insan Menjadi Salah Satu Objektif Dalam Konsep 1Malaysia


Rajah 1.1 menunjukkan peratusan yang diperolehi daripada soalan ‘pembangunan modal insan menjadi salah satu objektif dalam konsep 1Malaysia’. Skala jawapan yang digunakan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Dapat diperhatikan kebanyakan pelajar memilih skala ‘bersetuju’ bahawa pembangunan modal insan menjadi salah satu objektif dalam konsep 1Malaysia dimana peratusannya mencapai 39.9 peratus diikuti dengan 32.3 peratus mewakili skala “tidak pasti”. Manakala 26.6 peratus memilih skala sangat bersetuju, namun begitu masih terdapat segelintir responden yang memilih skala sangat tidak bersetuju (1.3 peratus) dan tidak bersetuju (0.4 peratus).



Rajah 1.2: Konsep 1Malaysia Adalah Salah Satu Langkah Yang Diperkenalkan Untuk Melahirkan Masyarakat Yang Bersatu


Rajah 1.2 menunjukkan hasil dapatan kajian unntuk soalan, ‘Konsep 1Malaysia adalah salah satu langkah yang diperkenalkan untuk melahirkan masyarakat yang bersatu’ menunjukkan kebanyakan pelajar peka dan paham dalam melahirkan masyarakat yang bersatu ini kerana majoriti pelajar menjawab sangat bersetuju yang mencapai peratusan 45.1 peratus. Skala jawapan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Berdasarkan skala ini walaupun majoriti pelajar menjawab ‘sangat setuju’ namun masih terdapat sebilangan besar pelajar yang memilih jawapan ‘tidak pasti’ yang

mencapai peratusan 26.7 peratus. Keadaan ini menggambarkan masih terdapat sebilangan besar pelajar IPT yang masih tidak paham langkah-langkah melahirkan masyarakat yang bersatu dalam konsep 1Malaysia.



Rajah 1.3: Tidak Berlaku Prejudis Antara Kaum Dalam Konsep 1Malaysia


Rajah 1.3 menunjukkan dapatan kajian untuk soalan ‘Tidak berlaku prejudis antara kaum dalam Konsep 1Malaysia’ Skala jawapan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Dapat dilihat bahawa peratusan ‘tidak pasti’ (33.7 peratus), ‘setuju’ (34.9 peratus) dan ‘sangat setuju’ (28 peratus) adalah hampir sama. Akan tetapi lebih membimbangkan adalah peratusan 33.7 ‘tidak pasti’ yang agak tinggi yang menggambarkan pelajar IPT masih samar-samar dan ragu-ragu terhadap prejudis antara kaum.



Rajah 1.4: Konsep 1Malaysia Bukan Sahaja Melibatkan Perpaduan Kaum Tetapi Juga Tentang Pembinaan Negara Bangsa


Rajah 1.4: Konsep 1Malaysia bukan sahaja melibatkan perpaduan kaum tetapi juga tentang pembinaan negara bangsa menunjukkan bahawa majoriti pelajar memilih skala ‘sangat bersetuju’ yang mencapai sebanyak 42.7 peratus. Skala jawapan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Berdasarkan skala tersebut dapat dilihat bahawa tahap kefahaman pelajar terhadap pembinaan negara bangsa tinggi dalam setiap individu yang bergelar warganegara Malaysia. Ini menggambarkan bahawa responden selaku pelajar IPT peka dan faham tentang penekanan yang diberikan dalam penubuhan konsep 1Malaysia. Akan tetapi, masih juga terdapat pelajar yang memilih skala ‘sangat tidak setuju’ (0.8 peratus) yang menggambarkan bahawa masih terdapat sebilangan

pelajar di peringkat IPT tidak memahami tentang Konsep 1Malaysia yang bukan sahaja melibatkan perpaduan kaum tetapi juga tentang pembinaan negara bangsa.



Rajah 1.5: Salah Satu Dasar Yang Digariskan Dalam Konsep 1 Malaysia Adalah Memperkasakan Bahasa Kebangsaan


Salah satu soalan yang turut di soal pada responden adalah berkaitan bahasa kebangsaan (Salah satu dasar yang digariskan dalam Konsep 1Malaysia adalah memperkasakan bahasa kebangsaan) dan skala jawapan yang digunakan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Berdasarkan skala jawapan peratusan yang tertinggi adalah di skala 'tidak pasti' iaitu sebanyak 35.6 peratus. Keadaan ini menggambarkan pelajar IPT kurang jelas tentang kepentingan bahasa kebangsaan dalam konsep 1Malaysia. Keadaan ini mungkin ekoran daripada penerapan keluarga, kerajaan, institusi-institusi pendidikan yang sememangnya mengkehendaki setiap anggota masyarakat perlu berbahasa English disekolah, di institusi pengajian tinggi dan alam pekerjaan. Keadaan ini menjadikan pelajar di IPT beranggapan bahawa memperkasakan bahasa kebangsaan itu tidak penting.



Rajah 1.6: Sifat Telus, Jujur Dan Integriti Diperlukan Dalam Sesuatu Pekerjaan Sama Ada Sektor Kerajaan Mahupun Swasta


Rajah 1.6 bertanyakan soalan berkaitan sifat telus, jujur dan integriti diperlukan dalam sesuatu pekerjaan sama ada sektor kerajaan mahupun swasta dan skala jawapannya adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Berdasarkan analisis dapatan kajian yang diterima oleh responden majoriti pelajar paham dan memilih skala 'sangat bersetuju' sebagai pilihan yang mencapai peratusan sehingga 41.2 peratus. Akan tetapi, pada masa yang sama masih terdapat pelajar di peringkat IPT yang ragu-ragu dan tidak pasti tentang sifat telus, jujur dan integriti diperlukan dalam sesuatu pekerjaan

sama ada sektor kerajaan mahupun swasta. Hal ini demikian apabila melihat pada peratusan ‘tidak pasti’ yang agak tinggi sebanyak 31.4 peratus yang menggambarkan tahap kepekaan pelajar di IPT adalah ditahap yang kurang memuaskan.



Rajah 1.7: Antara Nilai Yang Diterapkan Dalam Konsep 1Malaysia ialah Kesetiaan Kepada Kaum Dan Bangsa Sendiri Mengatasi Kesetiaan Kepada Negara


Rajah 1.7 menunjukkan soalan tentang nilai yang diterapkan dalam konsep 1Malaysia ialah kesetiaan kepada kaum dan bangsa sendiri mengatasi kesetiaan kepada negara. Pada skala jawapan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Dapatan kajian yang diperolehi hasil daripada kutipan data menunjukkan majoriti pelajar memilih ‘tidak pasti’ sebanyak 38.9 peratus, makalah yang memilih skala ‘sangat tidak setuju’ adalah sebanyak 30.9 peratus, ‘tidak bersetuju’ 14.7 peratus, ‘bersetuju’ 10.5 peratus dan ‘sangat tidak bersetuju’ sebanyak 4.8 peratus. Dapat diperhatikan kebanyakan pelajar masih tidak pasti berkaitan nilai-nilai yang diterapkan dalam konsep 1Malaysia.



Rajah 1.8: Menerapkan Nilai-Nilai Murni Dan Nilai Kemanusiaan Dalam Membentuk Peribadi Pelajar Yang Mulia Serta Membentuk Modal Insan


Rajah 1.8 menunjukkan dapatan kajian berdasarkan soalan ‘menerapkan nilai-nilai murni dan nilai kemanusiaan dalam membentuk peribadi pelajar yang mulia serta membentuk modal insan’ dan skala jawapan yang digunakan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5). Berdasarkan skala jawapan yang diterima peratusan skala ‘tidak pasti’ dan skala ‘bersetuju’ adalah hampir sama dimana masing-masing memperoleh sebanyak 33.5 peratus dan 35 peratus. Daripada dapatan kajian ini dapat dilihat jurang besar di antara pelajar yang paham akan penerapan nilai murni dan nilai

kemanusiaan dalam membentuk peribadi pelajar yang mulia serta membentuk modal insan dan pelajar yang tidak pasti tentangnya. Keadaan ini harus diberi penekanan oleh pihak universiti agar setiap pelajar faham akan penerapan nilai-nilai murni dan nilai kemanusiaan dalam perpaduan negara.




Rajah 1.9: Pendidik Hanya Mementingkan Pencapaian Akademik Pelajar Tanpa Menanamkan Sikap Patriotisme Yang Penting Dalam Mempertahankan Negara

Dapatan kajian dalam soalan 'Pendidik hanya mementingkan pencapaian akademik pelajar tanpa menanamkan sikap patriotisme yang penting dalam mempertahankan negara' dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) menunjukkan peratusan skala 'tidak pasti' merupakan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 37.9 peratus. Keadaan ini menggambarkan keadaan sebenar pelajar IPT yang tidak pasti terhadap sistem akademik yang dilaksanakan oleh universiti sama ada hanya mementingkan pencapaian akademik sahaja atau penerapan sikap patriotisme juga turut ditekankan dalam sistem pembelajaran di IPT. Keadaan lebih membimbangkan bila melihat peratusan di skala 'sangat bersetuju' sebanyak 28.8 peratus pelajar yang bersetuju bahawa sistem pembelajaran di IPT hanya mementingkan pencapaian akademik sahaja tanpa menanam sikap patriotism dalam mempertahankan negara.



Rajah 1.10: Konsep 1Malaysia Dapat Menjamin Keharmonian Dan Perpaduan Dalam Negara

Seterusnya melihat pada rajah 1.10 menunjukkan hasil dapatan kajian daripada soalan tentang ‘Konsep 1Malaysia dapat menjamin keharmonian dan perpaduan dalam negara dengan menggunakan skala jawapan Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) mendapati kebanyakan pelajar memilih skala ‘bersetuju’ iaitu 34 peratus dan yang memilih skala tidak pasti senyap 33.1 peratus, manakala yang memilih skala ‘sangat bersetuju’ sebanyak 30.6 peratus. Peratusan ini dilihat agak hampir dimana ia menggambarkan majoriti pelajar bersetuju bahawa Konsep 1Malaysia dapat menjamin keharmonian dan perpaduan dalam negara akan tetapi peratusan pelajar yang tidak pasti juga agak tinggi. Keadaan ini menggambarkan masih terdapat segelintir pelajar di IPT yang tidak pasti bahawa Konsep 1Malaysia dapat menjamin keharmonian dan perpaduan dalam negara.



Rajah 1.11: Dalam Konsep 1malaysia Masyarakat Disarankan Untuk Memilih Sekolah Jenis Kebangsaan Berbanding Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Kebangsaan Tamil Dan Sekolah Agama

Melihat pada dapatan kajian untuk soalan “dalam konsep 1Malaysia masyarakat disarankan untuk memilih Sekolah Jenis Kebangsaan berbanding sekolah jenis Kebangsaan Cina, Kebangsaan Tamil dan Sekolah Agama” dengan menggunakan skala jawapan adalah Sangat tidak bersetuju (1), Tidak bersetuju (2), Tidak pasti (3), Bersetuju (4) dan Sangat bersetuju (5) mendapati majoriti pelajar memilih skala ‘tidak pasti’ iaitu sebanyak 41.1 peratus. Keadaan ini menggambarkan ketidakpastian pelajar tentang peyaranan pemilihan sekolah yang disarankan dalam konsep 1Malaysia.

Perbincangan

Secara keseluruhan, kajian ini adalah berkaitan dengan penilaian kefahaman konsep 1Malaysia di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT). Kajian ini berbentuk kuantitatif dengan pendekatan soal selidik. Kajian dijalankan dengan membahagikan sampel kajian mengikut zon- zon negeri dalam Malaysia. Pembahagian zon dibuat untuk memudahkan proses pengutipan data kajian, di setiap zon pemilihan satu sample universiti telah di buat. Dengan kata lain, satu universiti mewakili satu zon. Sebanyak 1000 naskah borang soal selidik diedarkan dan kami mendapat kembali pulangan sebanyak 478 naskah. Ringkasan daripada hasil dapatan kajian yang diperolehi daripada 478 responden yang diterima menunjukkan pada objektif pertama, analisis tahap kefahaman pelajar IPT terhadap konsep 1Malaysia mendapati sebahagian besar pelajar faham konsep 1Malaysia. Dapatan ini, seperti dapat menghilangkan kesangsian ramai pihak terhadap persepsi golongan muda pelbagai kaum terhadap perpaduan dalam negara. Akan tetapi, yang merungsingkan terdapat sebilangan pelajar yang memilih skala ‘tidak pasti’, pemilihan skala ‘tidak pasti’ ini memberikan gambaran yang

kurang baik apabila peratusan pemilihan skala 'tidak pasti' lebih tinggi berbanding skala lain. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat sebilangan besar daripada pelajar diperingkat IPT yang kurang faham dan ragu-ragu berkaitan inti pati konsep 1Malaysia. Penekanan yang lebih perlu diberikan agar golongan ini dapat memahami konsep 1Malaysia dengan lebih mendalam.

Rumusan

Membina sebuah negara-bangsa yang sempurna bukanlah tugas mudah apatah lagi bagi sebuah negara seperti Malaysia. Dengan kepelbagaian kaum serta etnik dari latar sejarah, bahasa dan budaya yang berbeza serta diperkukuhkan pula oleh sentimen warisan berbeza menyumbang kepada munculnya persoalan dan masalah yang kompleks. Umumnya, di Malaysia, pemerintah dan masyarakat sedaya upaya untuk tidak mengubah atau menghilangkan kebudayaan masing-masing. 1Malaysia adalah harapan dan impian semua rakyat Malaysia kerana di dalamnya wujud kedamaian dan kedinamikan negara. Masyarakat majmuk adalah identiti negara yang perlu diintegrasikan walau dengan apa carapun.

Acknowledgement

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang memberikan kerjasama pada kumpulan kami untuk melengkapkan laporan ini. Ucapan terima kasih khas diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi Universiti Utara Malaysia yang memberi sumbangan kewangan melalui geran Search Results Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) untuk membiayai seluruh proses dalam melaksanakan dan menyiapkan laporan kajian ini.

We would like to thank all those who cooperated with our team for completing this report. My special thanks go to the Ministry of Higher Education and Research and Innovation Management Centre (RIMC), Universiti Utara Malaysia, who provided financial assistance through the Search Results Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) grant to fund the entire process of implementing and preparing this research report.

Rujukan

- Abd. Manaf Haji Ahmad. (2009). *Kontrak sosial*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Abdul Rahman Embong. (2000). *Negara-Bangsa: Proses dan Perbahasan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ani Haji Omar. (2010). Pantang larang di kalangan orang Melayu analisis dari perspektif teori SPB4K. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*. Vol 38 (1): 13-34.
- Azyati Azhani Mohd Mazuki, Wan Kamal Mujani, Azmi Aziz & Ermy Azziaty Rozali. (2013) Aplikasi konsep wasatiyyah dalam pembentukan Piagam Madinah. *International Journal of West Asian Studies*, 5(2), 1-15.
- Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (2003). *Qualitative Research of Education: An Introductory to Theories and Methods* (4th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Ilhaamie Abdul Ghani Azmi, Sharifah Hayaati Syed Ismail, Siti Arni Basir, Azah Anir Norman & Raja Jamilah Raja Yusof. (2015). Application of wasatiyyah concept in Public Administration Performance Appraisal System in Malaysia. *Adv. Sci. Lett.*, 21, 1307-1310.
- Jary, D & Jary, J, (1991) *Collins Dictionary of Sociology*. Harper Collins, University of California. 405-406

- Lee Lam Thye. (2013). *Malaysia's Unity and Its Challenge*. Speech. Retrieved December 23, 2016, from <http://globalpeace.org.my/2013/10/malaysias-unity-its-challenges-tan-sri-lee-lam-thye-trustee-of-1malaysia-foundation/>
- Mohamad Rodzi Abd Razak. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah Dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *Jurnal Jebat*. Vol. 36: 90-106.
- Mohd Rizal Yaakop & Shamrahayu A.Aziz. (2014). *Kontrak sosial: Perlembagaan Persekutuan 1957 Pengikat Jati Diri Bangsa Malaysia Merdeka*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar, Nasrudin Yunos. (2013). Analisis Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu Jilid 11:63-77*.
- Nor Suhaiza, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar, Nasrudin Yunos. (2011). Analisis Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu Jilid 11:63-77*.
- Sabitha, R.A. (2006). *The Blackwell companion to the study of religion*. London: Blackwell Publishing.
- Shamsul Amri Baharudin & Anis Yusal Yusoff. (2014). *Perpaduan, Kesepaduan, Penyatupaduan*. Kuala Lumpur: Intitut Terjemahan Buku Negara dan Insitut Kajian Etnik.
- Yin Yau Hoon. (2003). Assimilation, multiculturalism, hybridity: the dilemmas of ethnic Chinese in Post-Suharto Indonesia. *Asian Ethnicity*, Vol. 7 (2), pp. 146-199.
- Yusfarina Mohd Yussof & Abdul Rasid Jamian. (2011). Pembinaan Negara Bangsa Dan Identiti Kebangsaan Melalui Pemeraksanaan Bahasa Dalam Sistem Persekolahan. *Diges Pendidikan*. Jilid 11, Bil 1/2011: 10-16.